

KAEDAH PENULISAN TAFSIR DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN

Amran bin Abdul Halim
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan,
Malaysia.
amranabdulhalim@usim.edu.my

Tengku Fathul Aziz bin Tengku Abd Mutalib (OUM)
Walid Mohd Said (USIM)
Nidzamuddin bin Zakaria (USIM)
Amiruddin bin Mohd Sobali (USIM)
Abdulloh Salaeh (USIM)
Mohd Fauzi Mohd Amin (USIM)
Ahmad Kamel Mohamed (USIM)
Syed Najihuddin Syed Hassan (USIM)
Mahsor bin Yahya (USIM)

Abstrak

Pengajian al-Quran dan tafsir di Malaysia sudah bermula sejak lama dahulu, sama ada secara formal atau tidak formal. Pengajian ini bermula di rumah-rumah tok guru, surau, madrasah, masjid dan sebagainya. Pengajian ini juga lebih tersusun dan secara rasmi apabila sistem pengajian pondok diadakan di Malaysia dan dipelajari pula di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi. Justeru, satu usaha yang jitu perlu dilakukan bagi memelihara khazanah-khazanah ilmu ulama-ulama terdahulu dan diteliti kandungannya melalui kajian-kajian komprehensif terhadap hasil-hasil penulisan tersebut dan mengetengahkan keistimewaan isi kandungannya serta diperbaiki mutu bahasanya agar ia terus dimanfaatkan generasi kini dan akan datang bukan sekadar dijadikan koleksi simpanan sahaja. Melalui penulisan artikel ini, penulis cuba meneliti salah satu kitab tafsir di Malaysia iaitu Tafsir Pedoman Muttaqin yang ditulis oleh Dr Abdul Hayei Abdul Sukor dengan cara memerhatikan kaedah-kaedah penulisan beliau dalam kitab tafsirnya. Penulisan artikel kali ini berobjektifkan kepada sejarah penulisan tafsir atau latar belakang penulisan tafsir di Malaysia dengan lebih terperinci dan kaedah yang digunakan di dalam penulisan tafsir Melayu klasik yang biasa dibacakan di masjid dan surau tempat penulis tinggal. Diharapkan hasil dari penulisan ini dapat menonjolkan satu model atau contoh tafsir yang sesuai dengan kondisi masa kini khususnya masyarakat di Malaysia.

Kata Kunci: Rumi, Ma'thur, Ma'qul, Bi al-Ra'y, Munasabah Ayat

Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber perundangan Islam yang pertama yang disampaikan Nabi Muhammad SAW kepada umat Islam melalui perantaraan Jibril AS. Di dalamnya terdapat ayat-ayat yang boleh difahami dan ada yang susah untuk difahami yang mana ianya memerlukan kepada penafsiran untuk mendapat penjelasan terhadap ayat-ayat tersebut dan keterangan yang benar dengan apa yang difirmankan oleh Allah melalui kaedah ilmu-ilmu yang tertentu. Pengajian tafsir di Tanah air adalah kesinambungan pengajian al-Quran yang dijalankan pada awal kedatangan Islam. Pengajian al-Quran bermula di rumah, surau dan masjid. Ia terus berkembang ke peringkat yang lebih tinggi seperti pondok, sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Selain daripada kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti tafsir al-Tabari, Ibn Kathir, Tafsir fi Zilal al-Quran dan lain-lain, terdapat juga tafsir yang ditulis oleh para sarjana dan ilmuan di Malaysia, antaranya ialah Tafsir Pedoman Muttaqin yang ditulis oleh Dr Abdul Hayei Abdul Sukor. Perkembangan bidang tafsir di Malaysia dipengaruhi oleh tokoh ulama Melayu daripada pelbagai institusi pendidikan dan setiap daripada mereka mempunyai metode pengajian tafsir yang tersendiri. Keunggulan ilmu tokoh ulama terdahulu dapat dilihat melalui penghasilan kitab-kitab tafsir. Kajian ini bertujuan menganalisis metode penulisan dan pentafsiran kitab Tafsir Pedoman Muttaqin. Melalui pendekatan kajian perpustakaan, penulis berusaha meneliti dua aspek tersebut dalam karya Dr Abdul Hayei Abdul Sukor dalam kitab Tafsir Pedoman Muttaqin.

Biodata Pengarang

Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor dilahirkan pada 6 November 1947 di Pasir Mas, Kelantan, Malaysia (Ishak Suliaman, 2012). Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Sekolah Menengah Ma'had Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran ke Dar al-Ulum, Deoband, India. Seterusnya beliau melanjutkan pendidikan ke Universiti al-Azhar, Mesir dan mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang al-Qur'an dan al-Hadith (Abdul Hayei Abdul Sukor, 2005) Kemudian pada tahun 1988 beliau mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Hadith dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia dengan tesis yang berjudul "*Sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Pengajian Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan*" (Mustaffa Abdullah, 2009).

Abdul Hayei Abdul Sukor mula terlibat dengan kerjaya sebagai tenaga pengajar di Fakulti Usuluddin, Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Kelantan (YPTIK) Nilam Puri dan seterusnya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Selain bertugas sebagai pengajar di kampus, beliau juga banyak menulis dan telah menghasilkan beberapa buah buku dan artikel dalam pelbagai majalah di Malaysia. Di antara karyanya yang telah diterbitkan ialah Imam Malik : Sejarah dan Pemikiran, Manusia dan Kemanusiaan, Islam dan Manusia, Hadith Mawdu' dan Tafsir Pedoman Muttaqin. Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Panel Kajian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Jawatan Dewan Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, Ahli Majlis Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan lain-lain. Di antara penghargaan yang telah beliau peroleh ialah menerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul peringkat kebangsaan pada tahun 2011 (Ishak Suliaman, 2012).

Sejarah Penulisan Tafsir

Hasil penulisan tafsir di Malaysia sebenarnya telah ditulis oleh para ulama di Malaysia sejak berkurun lamanya. Berkemungkinan ulama yang menulis dalam tulisan-tulisan mereka itu tidak dicetak atau disebarkan kepada orang ramai, tetapi dalam bentuk manuskrip yang menjadi panduan ulama tersebut untuk mereka mengajar para pelajar mereka di pondok, masjid, madrasah dan surau. Jika ia tidak dicetak berkemungkinan ia akan pupus dan hilang ditelan zaman apabila mereka meninggal. Kemunculan para ulama Islam di Alam Melayu telah membuktikan keberkesanan terhadap penyampaian ilmu oleh para ulama yang pada ketika itu adalah berbentuk lisan sahaja. Pembudayaan ilmu yang diterapkan ke dalam jiwa mereka menjadi pemangkin semangat mereka menimba ilmu ke Timur Tengah bagi mendalami pelbagai bidang keilmuan seperti hadith, tafsir, fiqh, tauhid dan tasawuf yang selain itu disebarkan melalui hasil penulisan bahasa Melayu-Jawi yang amat bernilai bagi meningkatkan tahap keilmuan dalam kalangan masyarakat awam (Yahaya, M.H., 2001).

Pengajian al-Quran dan tafsir di Malaysia sudah lama bermula sejak zaman dahulu sama ada secara formal atau sebaliknya, bermula di masjid, madrasah, surau atau di rumah-rumah tenaga pengajar. Apabila sistem pengajian pondok diperkenalkan di Malaysia, pengajian dalam bidang al-Quran adalah lebih rasmi dan tersusun dan seterusnya dipelajari pula di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Penulisan bidang agama dalam bahasa Melayu telah berlaku lebih awal berbanding penulisan tafsir. Penulisan berkaitan dengan tafsir berkembang dengan lebih luas selepas tahun 1909 sehingga masa kini (Ismail Yusoff, 1995).

Penulisan tafsir di Malaysia merupakan kesinambungan daripada pengajian tafsir di pondok, masjid dan institusi pengajian formal. Muncul penulisan tafsir setempat dengan pelbagai aliran yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikan tokoh lulusan Madinah, Mekah, Mesir, India dan Pakistan. Pengaruh dari institusi tersebut mewarnai aliran penafsiran yang dibawa oleh mereka seperti tradisional, islah dan al-Dihlawi (Mustaffa Abdullah, 2009). Keadaan ini menggambarkan kedinamikan tafsir al-Quran di kalangan para ulama tempatan dan cendekiawan Islam di Malaysia.

Antara penulisan tafsir dalam bahasa Melayu yang dicetak pada peringkat awal ialah karya Tafsir Nur Ihsan yang lengkap 30 juzuk al-Quran yang dicetak kali pertama pada tahun 1934. Keseluruhan penulisan tafsir dapat dikategorikan kepada lima jenis sahaja iaitu tafsir lengkap 30 juzuk, tafsir surah-surah tertentu, tafsir juzuk-juzuk tertentu, tafsir *maudu'ie* dan manuskrip-manuskrip penulisan tafsir. Penulisan mengenai tafsir al-Quran di Malaysia ini terbahagi pula kepada dua bentuk iaitu terjemahan dan melalui penulisan asal (Ismail Yusuff, 1995).

Kaedah Penulisan Tafsir Pedoman Muttaqin

Penulisan Tafsir Pedoman Muttaqin adalah sebuah penulisan tafsir kontemporari berbahasa Melayu yang ditulis oleh Dr Abdul Hayei Abdul Sukor. Tafsir ini ditulis sebagai kesinambungan kepada tafsir

pimpinan al-Rahman yang telah dirintis sebelumnya dan bertujuan untuk menjadi pedoman kepada umat Islam setelah mendapat bimbingan dari tafsir Pimpinan al-Rahman.

Kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* ditulis berdasarkan inisiatif dari Perdana Menteri Dato' Seri 'Abdullah Hj. Ahmad Badawi pada ketika itu dalam pertemuan beliau dengan ulama yang diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Bangunan Perdana Putra, Putra Jaya, Malaysia pada 3 Oktober tahun 2006. Perdana Menteri ketika itu memberikan pandangan dan menyarankan agar huraian atau interpretasi terhadap isi kandungan al-Qur'an perlu senantiasa dinamik sejajar dengan keunggulan Islam. Berdasarkan inisiatif tersebut, kajian dan beberapa sesi perbincangan pun dilakukan yang mana akhirnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia memberikan kepercayaan kepada Dr Abdul Hayei Abdul Sukor untuk menyusun kitab tafsir sebagai panduan kepada umat Islam serta memartabatkan agama Islam di Malaysia (Mustaffa Abdullah, 2009).

Penulisan Tafsir Pedoman Muttaqin ini telah diterbitkan sebanyak 4 juzuk iaitu juzuk satu yang dimulai dari Surah al-Fatihah hingga Surah al-Baqarah ayat 141. Manakala juzuk dua pula mentafsirkan ayat-ayat dari 142 hingga ayat 286 Surah al-Baqarah. Seterusnya juzuk 28 dimulai dari Surah al-Mujadalah hingga Surah al-Tahrim dan juzuk 29 mentafsirkan Surah al-Mulk sehingga Surah al-Mursalat. Juzuk tiga dan empat masih belum diterbitkan tetapi majlis pentashihannya telah diadakan pada 6 hingga 8 April 2009 di Sepang, Selangor. Manakala bagi juzuk lima dan enam juga telah melalui pentashihan pada 22 hingga 24 Jun 2010 di Bangi. Penerbitan pertama tafsir ini bagi juzuk satu dan dua adalah pada tahun 2008 oleh JAKIM, Kuala Lumpur dan terbitan keduanya pada tahun 2010 adalah melalui penerbit yang sama. Manakala juzuk 28 dan 29 telah diterbitkan oleh Utusan Publication lebih awal sebelum penerbitan juzuk satu dan dua iaitu pada tahun 2003. Tafsir ini akan disempurnakan dalam 30 juzuk. Setiap juzuk tafsir ini mengandungi antara 750 hingga 800 halaman (JAKIM, Tengku Fathul Aziz, 2018).

Dr Abdul Hayei Abdul Sukor dalam tafsirnya telah meletakkan beberapa judul khusus berdasarkan kandungan ayat yang akan ditafsirkan, sebagai kemudahan kepada para pembaca. Beliau mengemukakan fahrasat atau daftar isi hadith, athar dan syair yang dimasukkan dalam pentafsiran pada akhir penulisan setiap juzuk. Kaedah penulisan beliau ini adalah antara salah satu sebab menjadikan kitab tafsir ini lebih istimewa berbanding dengan penulisan tafsir lain. Manakala medium bahasa dan tulisan yang digunakan dalam penulisan Tafsir Pedoman Muttaqin ini adalah bahasa Melayu tulisan rumi dan beliau mengemukakan sinopsis pada setiap surah yang ditafsirkan serta menggunakan pendekatan *ma'thur* dan *ma'qul*. Pendekatan *Ma'thur* bermaksud menjelaskan makna ayat al-Qur'an dan menguraikannya dengan ayat al-Qur'an, sunnah yang sahih, pendapat para sahabat dan tabi'in (Mustafa Muslim, 1415). Pentafsiran terhadap surah biasanya dijelaskan nama surah, masa nuzul serta munasabah antara surah dengan surah sebelum atau selepasnya. Kemudian mengemukakan ikhtisar atau makna yang dikandung oleh setiap surah secara umum, dan pada akhir pentafsiran kelompok ayat yang ditafsirkan pengarang menyertakan saranan dan pengajaran sebagai intisari daripada ayat yang baru ditafsirkan (Ishak Suliaman, 2012).

Namun pentafsiran al-Qur'an berdasarkan pendapat tabi'in ulama berbeza pendapat. Seseengah ulama mengatakan tidak termasuk dalam kategori *Tafsir Bi al-Ma'thur* tetapi ia digolongkan kepada *Tafsir Bi al-Ra'y*. *Tafsir Bi al-Ra'y* pula bermaksud usaha pentafsiran al-Qur'an secara rasional setelah mendalami bahasa Arab yang mesti diketahui oleh setiap mufassir sebelum menjelaskan maksud al-Qur'an (Fahd al-Rumi, 2007). Seperti ilmu nahwu dan saraf, ilmu balaghah, ilmu qira'at, ilmu usul al-

din, usul al-fiqh, dan lain sebagainya. Kaedah ini juga digunakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* (Nur al-Din' Atar, 1997).

Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* mentafsirkan ayat secara kelompok. Kemudian mentafsirkan ayat-ayat tersebut satu demi satu setelah mengemukakan munasabah dengan kelompok ayat sebelumnya dan mengemukakan *sabab al-nuzul* jika ada. Seterusnya, pada akhir pentafsiran pengarang mengemukakan saranan dan pengajaran sebagai intisari dari kandungan ayat yang baru ditafsirkan. Dalam menguraikan ayat pula pengarang mengutip pandangan para ulama silam dan kontemporer seperti Muhammad bin Jarir al-Tabari (w. 310 H), Sayyid Qutub (w. 1966 M), Wahbah al-Zuhayli, Sheikh Mutawalli al-Sha'rawi (w. 1998 M) dan lain-lain (Ishak Suliaman, 2012).

Pengarang *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebelum mentafsirkan ayat terlebih dahulu mengemukakan munasabah atau hubung kait antara surah dengan surah atau ayat dengan ayat yang akan ditafsirkan dengan ayat sebelumnya. Contoh munasabah antara surah dengan surah salah satunya dapat dilihat pada pentafsiran beliau ketika mentafsirkan *Surah al-Baqarah*. Menurut Abdul Hayei. A.S., hubung kait antara *Surah al-Baqarah* dengan *Surah al-Fatihah* ialah berkenaan dengan permasalahan hidayah yang telah dibincangkan pada ayat 6 daripada *Surah al-Fatihah* kemudian dinyatakan lagi pada ayat kedua dalam *Surah al-Baqarah*. Berkenaan dengan hal tersebut pengarang menyatakan (Ishak Suliaman, 2012) :

“Dalam Surah al-Fatihah ada tersebut doa untuk mendapatkan hidayah. Doa itu dibaca sekurang-kurangnya 17 kali dalam solat lima waktu pada setiap hari iaitu:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٢﴾

Maksudnya : *Tunjukilah kami jalan yang lurus.*

Doa itu mendapat perkenan Allah swt lalu ditunjukkan kepada pemohonnya jalan untuk mendapatkan hidayah; hidayah perlu didapatkan menerusi al-Qur'an pada ayat ke-2 surah ini, firman Allah :

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya : *Kitab al-Qur'an itu tiada sebarang keraguan padanya. Ia meberi hidayah kepada para muttaqin”.*

Sedangkan munasabah antara kelompok ayat yang akan ditafsirkan dengan kelompok ayat yang telah ditafsirkan sebelumnya dapat dilihat pada pernyataan beliau ketika mentafsirkan *Surah al-Baqarah* dari ayat 26 sampai ayat 29 berikut :

“Ayat ke-23 yang terdahulu menyatakan al-Qur’an adalah sebuah kitab yang benar datangnya daripada Allah. Sesiapa yang menyimpan keraguan terhadapnya, maka bawakanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur’an. Ayat ke-26 ini dan ayat-ayat berikutnya menyatakan bahawa Allah swt tidak segan untuk membuat perbandingan dengan nyamuk dan haiwan yang lebih kecil daripadanya. maksudnya perbandingan ini tidak menjejaskan kedudukan al-Qur’an sebagai wahyu yang benar”.

Munasabah dalam al-Qur’an terdiri daripada beberapa jenis iaitu munasabah antara kata dengan kata dalam satu surah, munasabah antara ayat dengan ayat selepasnya dan munasabah antara surah dengan surah (Muhammad Qurasih Shihab, 2005). *Surah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* Abdul Hayei A.S. mengemukakan munasabah hanya melalui dua bentuk iaitu munasabah antara surah dengan surah dan munasabah antara kelompok ayat yang akan ditafsirkan dengan kelompok ayat yang telah ditafsirkan sebelumnya. Sedangkan munasabah antara satu ayat dengan ayat sebelum atau sesudahnya dan munasabah antara kata dengan kata dalam satu surah tidak ditemukan pada *Surah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* (Ishak Suliaman, 2012).

Dr Abdul Hayei Abdul Sukor juga telah mengemukakan pengajaran dan saranan dalam tafsirnya dengan topik khusus bagi setiap akhir kelompok ayat yang ditafsirkan. Umpamanya, beliau mengemukakan dua pengajaran dan saranan setelah menafsirkan Surah al-Jin ayat 1 hingga ayat 7. Pengajaran dan saranan tersebut antaranya ialah:

- Mengambil maklum kisah jin yang banyak faedahnya, terutama untuk dijadikan pendorong oleh kafir Quraish agar beriman kepada Allah SWT, Nabi Muhammad SAW dan wahyu al-Quran
- Antara maklumat yang diketahui jin ialah mereka juga dibebankan dengan taklif syarak sebagaimana manusia, selain daripada itu mereka juga terbahagi kepada mukmin dan kafir. Dalam kalangan mereka ada pendakwah yang menyeru kaumnya agar beriman kepada Allah dan RasulNya, serta mereka juga dapat memahami bahasa manusia dan mendengarnya.

Kaedah penulisan tersebut merupakan ciri khas pentafsiran Dr Abdul Hayei Abdul Sukor dalam tafsirnya, seterusnya ia membezakannya dengan penulisan tafsir bahasa Melayu yang lain. Setakat hari ni, penulis belum lagi menjumpai tafsir bahasa Melayu yang lain secara khusus menggunakan metod atau kaedah ini. Oleh yang demikian, dengan wujudnya penulisan tafsir bahasa Melayu dalam bentuk seperti ini akan dapat memudahkan lebih ramai pembaca atau pengkaji ilmu tafsir untuk mengetahui intisari kandungan ayat yang ditafsirkan oleh beliau.

Kelebihan dan Kekurangan Tafsir Pedoman Muttaqin

Kelebihan Tafsir Pedoman Muttaqin oleh Dr Abdul Hayei Abdul Sukor ini ialah beliau menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'yi*, namun terdapat dalam beberapa kaedah adalah lebih kepada *tafsir bi al-ra'yi*. Kaedah penulisan ini juga lebih mudah difahami berbanding dengan penulisan tafsir yang lain memandangkan beliau meletakkan jadual khusus kandungan ayat yang akan ditafsirkan. Seterusnya beliau mengemukakan *fahrasat* hadith, *athar* dan syair yang dimasukkan dalam pentafsiran

pada akhir penulisan setiap juzuk. Hal ini akan lebih memudahkan lagi carian pembaca dan penyelidik untuk mengenalpasti berkenaan dengan kata kunci dalam intisari satu ayat dalam surah-surah al-Quran (Tengku Fathul Aziz, 2018).

Antara kekuatan kaedah pentafsiran yang telah diaplikasikan oleh Dr Abdul Hayei dalam tafsir ini adalah berasaskan kepada al-Quran dan al-Hadith di samping menggunakan pentafsiran dengan akal. Malah ketika menghuraikan isu-isu masa kini dan penerangan pemahaman ayat pentafsiran dengan akal lebih banyak digunakan oleh beliau. Pentafsiran Dr Abdul Hayei juga tidak terikat kepada pandangan mazhab tertentu. Beliau turut mengutip kira pendapat dan pandangan ulama' lain berkenaan dengan beberapa permasalahan kemudian memilih salah satu di antara pendapat tersebut yang sesuai dengan pandangan beliau.

Antara kelemahan yang mungkin perlu diperbaiki ialah berkenaan dengan kaedah penafsiran ini yang terlihat lebih condong kearah *tafsir bi al-ra'yi ta* meskipun pengarang banyak menggunakan ayat dan Hadith tetapi tidak secara langsung mentafsirkan ayat-ayat tersebut. Berkenaan dengan penulisan hadith, hadith-hadith dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dituliskan dengan pelbagai bentuk. Sebahagian hadith dinyatakan dengan mengemukakan sanad dan *takhrijnya* secara ringkas berkenaan dengan nama pengarang, penulisan, bab dan nombor hadith.

Namun begitu, terdapat juga hadith yang tidak dinyatakan matannya saja tanpa sanad dan mukharrijnya. Selain itu, hadith-hadith yang dinyatakan oleh Abdul Hayei A.S tidak semua berstatus sahih, masih ada hadith yang *dha'if* bahkan *mawdu'* (Ishak Suliaman, 2012).

Namun begitu, tafsir ini adalah antara tafsir kontemporari yang mampu untuk menjadi penulisan termasyhur yang menjadikan sumber rujukan pada masa akan datang kerana penjelasannya bersifat ilmiah, mudah difahami oleh masyarakat awam serta menyentuh pembahasan yang relevan dengan keadaan dan situasi umat Islam masa kini.

Kesimpulan

Terdapat beberapa penulisan tafsir yang telah diterjemahkan kedalam bahasa Melayu oleh ramai ulama dari Malaysia sendiri. Mereka telah menjalankan suatu tugas yang mulia dan memberikan sumbangan yang sangat besar dalam khazanah tafsir khususnya dan dalam ilmu agama amnya yang dapat diambil manfaat masyarakat Islam di Malaysia. Hasil penulisan oleh ulama atau cendikiawan Islam ini juga sangat berguna untuk para penyelidik atau pencinta ilmu tafsir dalam meneroka bidang ilmu ini dan seterusnya menjadi panduan bagi para sarjanawan atau para ulama di Malaysia akan datang dalam menambahkan lagi karya-karya dalam bidang al-Quran dan tafsir. Segala kaedah-kaedah atau metodologi penulisan Tafsir Pedoman Muttaqin ini dapat digunakan juga oleh sesiapa yang ingin menerbitkan karya dalam tafsir al-Quran.

Walau bagaimanapun, usaha menterjemah penulisan tafsir ke dalam bahasa Melayu masih lagi kurang dan agak sedikit berbanding dengan apa yang dilakukan oleh para ulama' di Indonesia yang

mana mereka lebih giat dan aktif dalam menyiapkan dan menterjemah penulisan tafsir ke dalam bahasa Melayu Indonesia. Kita boleh lihat agak banyak juga karya tafsir terjemahan yang sudah siap dibuat oleh mereka dan boleh didapati di perpustakaan atau di kedai-kedai buku agama.

Masyarakat Islam di Malaysia masih lagi memerlukan ulama tempatan bagi melakukan kegiatan mentafsir dan menterjemahkan penulisan tafsir dan pengajian Islam agar dapat menambahkan lagi bahan bacaan agama kepada umat Islam di rantau ini dan dapat memahami dengan mudah apabila ditulis oleh bangsa dan bahasa mereka sendiri. Kitab Tafsir Pedoman Muttaqin oleh Dr Abdul Hayei Abdul Sukor ini adalah salah satu contoh karya tafsir di Malaysia yang banyak memberi kemudahan kepada masyarakat Islam di Malaysia, khususnya bagi mereka yang masih lemah dalam bahasa arab dalam memahami maksud dan huraian tafsir dari ayat-ayat al-Quran dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan mereka di dunia ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hayei Abdul Sukor (2005), *Tafsir Pedoman Muttaqin*, Kuala Lumpur : Utusan Publications, c. 1, j. 29, h. 717.
- Abdul Hayei Abdul Sukor (1999), *Imam Malik : Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, c. 1, h. Bahagian cover
- Fahd bin ‘Abd al-Rahman bin Sulaiman al-Rumi (2007), *Dirasat Fi ‘Ulum al-Qur’an al-Karim*, Riyad : (t.p), c. 15, h. 165
- Muhammad ‘Abd al’Azim al-Zarqani (1988), *Manahil al-Irfan Fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, c. 1, j. 1, h. 14.
- Mustaffa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Uniuersiti Malaya, h. 289
- Mustaffa bin Abdullah dan S. Abdul Manan (2009), *Khazanah Tafsir di Nusantara: Penelitian Terhadap Tokoh dan Penulisannya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand. Kontekstualita*, 25(1), 33-35.
- Mustafa Muslim (1415), *Manahij al-Mufasssirin*, Riyad : Dar Muslim Li al-Nashr Wa al-Tawzi’.
- Muhammad Qurasih Shihab (2005), *Tafsir al-Mishbah*, Jakarta : Lentera Hati, c. 5, j. 1, h. Xxiii
- Nur al-Din’Atar (1997), *‘Ulum al-Qur’an al-Karim*, Damshiq : Matba’ al-Sabah, c. 6, h. 74
- Parlindungan Simbolon, Ishak Suliaman (2012), *Sejarah Dan Kontribusi Ulama Melayu Dalam Bidang Tafsir: Kajian Terhadap Tafsir Pedoman Muttaqin Karya Abdul Hayei Abdul Sukor, dicapai dalam <http://eprints.um.edu.my/13969/>*

Tengku Fathul Aziz (2018), *Sejarah Penulisan Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Yahaya, M.H. (2001), *Islam di Alam Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusoff, Ismail. (1995), *Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia*, *Jurnal Islamiyyat* 16.